

Rujukan Kami: KKM-114(24)

Tarikh: 28 Feb Februsari, 1983

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri,

Semua Pengarah Yayasan,

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sarawak.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah.


SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 1/1983

Pendaftaran Sebagai Pengamal Perubatan
Selepas Tamat Latihan Doktor Siswazah

Adalah diperhatikan bahawa ramai doktor-doktor siswazah yang telah tamat tempoh latihan mereka lewat memohon didaftarkan sebagai pengamal perubatan dibawah Akta Perubatan 1971. Ini mungkin disebabkan doktor-doktor siswazah sekarang dibenarkan terus berkhidmat sebagai pegawai perubatan setelah mereka tamat tempoh latihan doktor siswazah dan dibayar gaji doktor siswazah walaupun perlantikan mereka sebagai pegawai perubatan belum lagi dibuat secara resmi.

2. Semua Pengarah dan doktor siswazah adalah diingatkan bahawa dari segi undang-undang adalah salah bagi seseorang itu membenarkan atau menjalankan amalan seorang pengamal perubatan kecuali pengamal perubatan tersebut berdaftar penuh sebagai pengamal perubatan dibawah Akta Perubatan 1971. Oleh yang demikian tuan adalah diminta mengarah semua doktor siswazah yang telah tamat tempoh latihan mereka membuat permohonan untuk didaftar sebagai pengamal perubatan sebaik sahaja mereka tamat tempoh latihan tersebut dan telah diperakui oleh pegawai-pegawai berkenaan. Tuan adalah dikehendaki juga menentukan bahawa peraturan ini dipatohi sepenuhnya. Terimakasih.

Saya yang menurut perintah,


Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Pemangku Ketua Pengarah Kesihatan
Malaysia

s.k: YB MK
YB TMK


Bil. (49) dlm. KKM-82/2/6

9 hb April, 1986

Semua Pengarah Bahagian,

Permohonan Untuk Bertugas Diluar Pejabat

Nampaknya sudah menjadi kebiasaan beberapa orang Pengarah mengemukakan borang permohonan untuk bertugas diluar pejabat hanya apabila mengemukakan tuntutan-tuntutan perjalanan. Perbuatan ini adalah salah. Semua borang permohonan untuk bertugas diluar pejabat hendaklah dibuat sebelum satu-satu perjalanan kecuali dalam keadaan-keadaan kecemasan. Diharap semua Pengarah Bahagian mengambil perhatian tentang perkara ini.


Tan Sri Dato' (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

-/re